

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI
IBRAHIM
KAWASAN : KUALA SELANGOR
TARIKH : 7 APRIL 2014, ISNIN

SOALAN:

YB. DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM (KUALA SELANGOR) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan memandangkan perjanjian konsesi antara Kerajaan dan syarikat konsesi lebuhraya perlu disemak dan dinaikkan pada tahun 2011 yang melibatkan 13 lebuhraya maka kenapa ia tidak dilaksanakan sehingga Kerajaan terpaksa membelanjakan RM400 juta untuk membayar pampasan untuk mengekalkan kadar sedia ada.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Dasar penswastaan untuk konsesi lebuhraya telah melalui beberapa proses penambahbaikan sejak ia dimulakan pada tahun 1988. Kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa berusaha untuk memastikan pelaksanaan dasar penswastaan lebuhraya di negara ini memberikan manfaat kepada rakyat dan dalam masa yang sama memelihara kepentingan semua pihak yang terlibat. Ini termasuklah berkaitan isu penetapan kadar tol di lebuhraya yang sering menjadi rungutan pengguna.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan mulai tahun 2008 lagi sebenarnya telah melaksanakan pelbagai usaha dan inisiatif untuk mengurangkan beban tol yang ditanggung pengguna. Keprihatinan Kerajaan ini telah diterjemahkan melalui pelbagai inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan, di mana ia dicapai hasil daripada beberapa siri bengkel dan makmal Kerajaan yang telah diadakan serta sesi perundingan dengan syarikat-syarikat konsesi yang terlibat.

Antara inisiatif tersebut ialah seperti penangguhan kenaikan kadar tol untuk lebuhraya tertentu sejak tahun 2008 hingga 2013; penutupan dan pemansuhan kutipan tol pada tempoh masa yang lebih awal berbanding tempoh sebenar perjanjian konsesi di beberapa plaza tol tertentu; pengurangan kadar tol berbanding kadar sebenar mengikut perjanjian konsesi untuk beberapa lebuh raya tertentu; dan penstrukturan semula kadar tol melibatkan perjanjian konsesi bagi

lebuhraya-lebuhraya di bawah kendalian syarikat konsesi PLUS Berhad dan Kumpulan MTD.

Di samping itu Kerajaan pada awal tahun ini, iaitu menerusi hasil daripada kajian Makmal Kos Sara Hidup - juga telah bersetuju untuk menangguhkan kenaikan kadar tol bagi 14 buah lebuhraya yang sepatutnya menerima kenaikan kadar tol pada tahun 2014. Berikutan daripada keputusan penangguhan kenaikan kadar tol tersebut, Kerajaan terpaksa membayar pampasan kepada syarikat-syarikat konsesi yang terlibat.

Anggaran kos pampasan keseluruhan untuk tahun 2014 ini ialah sebanyak RM400 juta. Jumlah sebenar pampasan kepada setiap syarikat konsesi hanya akan dapat ditentukan selepas pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) melaksanakan proses verifikasi audit terhadap syarikat-syarikat konsesi terlibat.

Untuk tempoh jangka panjang pula, Kerajaan pada masa kini masih sedang berunding dengan semua syarikat konsesi lebuhraya bagi mengkaji mekanisme yang terbaik berkaitan dengan konsesi lebuhraya, termasuk penetapan kadar tol. Rundingan ini dibuat berasaskan kepada konsep 'menang-menang' kepada semua pihak, iaitu Kerajaan, syarikat konsesi dan institusi pemberi pinjaman kewangan dan juga rakyat keseluruhannya.

Sekian. Terima kasih.